

BAB 2 - FALSAFAH DAN SEJARAH HAK ASASI MANUSIA

2.0 PENGENALAN

Isu keadilan. kebebasan. kemerdekaan. kesamarataan. persamaan dan persaudaraan sejagat yang menjadi asas hak asasi manusia telah menjadi persoalan penting kepada peradaban manusia semenjak daripada peradaban awal manusia lagi. Walaupun pada zaman Babylon. Mesir. India dan Greek. konsep kemanusiaan ini tidak dipraktiskan secara menyeluruh terutama terhadap golongan kelas bawahan atau hamba. sehingga pada zaman Romawi. satu kodifikasi undang-undang untuk menghapuskan amalan ini telah mula diperkenalkan¹.

Kini isu hak asasi manusia telah menjadi isu sejagat sehingga banyak pihak yang mengklasifikasikan permasalahan hak asasi manusia sebagai krisis peradaban. Seluruh dunia telah memberikan perhatian yang serius terhadap pencabulan hak asasi manusia ini. Selepas Perisyntiaran Hak Asasi Manusia Sejagat 1948. negara-negara di seluruh dunia telah membincangkan perlaksanaan hak asasi manusia di negara masing-masing. Akibatnya beberapa konvensyen dan pengisyntiaran antarabangsa dibuat untuk memperjelaskan objektif hak asasi manusia ini kepada masyarakat antarabangsa.

Setelah hampir 50 tahun Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat 1948 diisytharkan, pada Disember 1993 PBB melalui persidangan agung tahunannya telah meluluskan penubuhan Suruhanjaya Tinggi Hak Asasi Manusia PBB. Penubuhan suruhanjaya ini adalah manifestasi daripada kesedaran menyeluruh umat manusia terhadap perih penting hak asasi manusia sebagai sebahagian daripada nilai kemanusiaan dalam peradaban global ini.

2.1 HAK ASASI MANUSIA SEBAGAI ELEMEN PERADABAN

Peradaban atau tamadun menurut Kamus Dewan adalah merujuk kepada suatu keadaan negara, penduduk atau masyarakat manusia yang dicirikan atau didasarkan kepada taraf kemajuan kebendaan dan perkembangan pemikiran yang melibatkan persoalan sosial, budaya, politik, ekonomi dan sebagainya². Peradaban juga merujuk kepada budaya, nilai, moral, etika, cara hidup dan pemikiran pendudukan di sesebuah negara, kawasan atau sesuatu zaman. Hampir semua peradaban besar mempunyai istilah tersendiri yang merujuk kepada makna peradaban yang kesemuanya menggambarkan bagaimana nilai kemanusiaan menjadi asas pertumbuhannya.

Mengikut perspektif Islam, peradaban dikaitkan dengan *umran*, *udah* (*adbun* atau *ta'dih*) dan *dinnun* atau *dainun*. Ke semua istilah peradaban Islam ini berkisar tentang kemakmuran hidup manusia, kesopanan, pendisiplinan, kepatuhan, hubungan kemanusiaan dan kehidupan kota. Makna peradaban dalam bahasa Cina

yang disebut *wen ming* pula adalah merangkumi kebijaksanaan dan keluhuran budi manusia. manakala perkataan *nakarikam* dalam bahasa Tamil membayangkan tentang kasih sayang, kehalusan budi dan kehidupan bandar³. Bagi peradaban Barat, Perkataan Inggeris ‘civilization’ pula adalah lahir daripada perkataan Latin iaitu *civitas*, *civilis*, *civis* dan *civilitas* yang merujuk kepada warga negara, undang-undang dan pemerintahan Rom⁴. Perkataan *Keimelion* dalam peradaban Greek, *zivilisation* di Perancis dan *kulture* di Jerman pula dirujuk kepada kekayaan, peraturan hidup, kesopanan dan sumbangan manusia dalam pelbagai aspek kehidupan⁵.

Keseluruhannya, dapat difahami bahawa semua peradaban mendefinisikan peradaban sebagai mempunyai unsur undang-undang (peraturan), bertingkah laku yang baik, bersopan, berperikemanusiaan, kehidupan perbandaran dan memiliki harta kekayaan. Daripada ciri-ciri ini, jelas menunjukkan bahawa peradaban mencakupi pencapaian sesebuah masyarakat dalam aspek material (perbandaran dan harta kekayaan) juga memiliki unsur-unsur moral termasuk hubungan kemanusiaan, undang-undang dan ketuhanan.

Daripada pengertian peradaban yang menggambarkan keseimbangan pertumbuhan manusia ini, sangat mudah untuk difahami tentang perihal pentingnya suatu set etika untuk mengawal manusia supaya tidak bergerak di luar daripada nilai-nilai kemanusiaan sejagat. Mahdi Shuid menyifatkan anggota masyarakat yang mengamalkan ciri-ciri barbarism seperti kasar, ganas, tidak bersopan, tidak

menepati janji. rakus. zalim. menindas. kejam dan mencabul hak-hak orang lain sebagai masyarakat yang tidak mempunyai peradaban⁶. Rousseau juga menganggap golongan '*noble-savage*' yang bersikap barbarian di Perancis sebagai tidak berperadaban⁷.

Di antara unsur utama yang menggambarkan nilai kemanusiaan. tatasusila. kasih sayang. persaudaraan. akhlak dan kesopanan ialah perlaksanaan hak asasi manusia sebagai sebuah keperluan hidup masyarakat yang bebas dan bermaruah. Pencabulan hak asasi manusia akan menjadikan manusia hidup dalam keadaan tertekan. tertindas. hilang harga diri dan tidak bermaruah. Tidak ada sesiapapun yang boleh mencabul hak orang lain demi menghormati keperluan kemanusiaan. Dalam kata lain. sebuah peradaban yang sempurna dan lengkap mestilah memberikan hak-hak asasi kepada semua manusia mengikut nilai-nilai hak asasi yang sejagat supaya semua manusia dapat membina kehidupan dan menggerakkan peradaban secara bermaruah dan mempunyai harga diri.

2.2 HAK ASASI MANUSIA DARI SUDUT PANDANGAN PELBAGAI PERADABAN

Kini hampir semua manusia telah menyedari bahawa hak asasi manusia sangat penting sebagai sebahagian daripada keperluan asas hidup mereka. Bahkan sebahagian daripada mereka melihat bahawa kebebasan. keamanan dan keadilan adalah simbol kepada maruah diri mereka. Hasil daripada usaha serius pihak-

pihak tertentu terutama masyarakat antarabangsa seperti PBB telah menyedarkan hampir seluruh manusia tentang hak-hak mereka dan juga perlunya hak orang lain ditunaikan.

Walau bagaimanapun peradaban-peradaban besar dunia hari ini mempunyai pandangan yang berbeza tentang konsep dan implementasi hak asasi manusia. Perbezaan yang wujud ini bukan sahaja telah melahirkan perbezaaan tindakan dan layanan terhadap hak asasi manusia, tetapi juga dijadikan modal kepada perbalahan beberapa negara yang mewakili peradaban yang berbeza. Chandra Muzaffar menyatakan peradaban Barat mempunyai pandangan bahawa hak asasi manusia ialah hak sivil dan politik, berbeza peradaban Timur yang memberikan penekanan terhadap hak ekonomi, sosial dan budaya. Manakala hak asasi manusia mengikut peradaban Islam pula mempunyai prinsip yang paralel dengan dasar demokrasi selain mencakupi hak ekonomi, sosial, budaya, sivil dan politik⁸.

2.2.1 Hak asasi manusia mengikut pandangan Barat

Perkembangan hak asasi manusia bermula di Barat setelah berlakunya zaman gelap (600-1000 M) di mana golongan pemerintah dan pemimpin agama telah menindas rakyat secara zalim sehingga menimbulkan kesedaran di kalangan mereka tentang hak-hak mereka sebagai seorang manusia yang bermaruah⁹. Ahli-ahli politik, pemikir falsafah dan juga penyair-penyair telah bangkit memperjuangkan hak-hak mereka sehingga mewujudkan mazhab baru agama

Kristian iaitu Protesten¹⁰. Interaksi budaya yang berlaku antara peradaban Eropah dengan peradaban Islam sekitar abad ke-11 hingga abad ke-15 juga telah mendedahkan dengan begitu luas kepada Barat tentang nilai kemanusiaan dan keadilan yang membangkitkan perjuangan orang Eropah¹¹. Perkembangan teknologi akibat Revolusi Industri pada abad ke-19 di Eropah turut mengubah pandangan dunia masyarakat Barat terutama tentang hak asasi manusia. Kemudian beberapa undang-undang termasuk konvensyen serantau tentang hak asasi diwujudkan di Barat¹².

Secara teorinya, bagi Barat hak asasi manusia adalah sangat dan tidak boleh dipisahkan antara satu sama lain. Walau bagaimanapun, secara praktisnya Barat hanya mengambil berat soal hak politik dan sivil sahaja. Menurut Chandra Muzaffar peradaban Barat membuat definisi yang sangat janggal iaitu hak asasi manusia adalah hak politik dan sivil¹³. Bahkan Barat sentiasa mengkritik negara-negara Timur yang mengabaikan hak politik dan sivil ini sebagai tidak jujur dan bersifat autoritarian. Sebenarnya, memang di Barat soal hak sivil dan politik sangat dititikberatkan berdasarkan kepada pengalaman sejarah mereka yang panjang berkenaan dengan penindasan sivil dan politik yang berlaku pada zaman gelap.

Oleh kerana terlalu mengutamakan hak sivil dan politik, di Barat hak ekonomi, sosial dan budaya terabai dari segi praktisnya. Di negara-negara Barat, sebahagian rakyat mereka hidup merempat dalam kemiskinan, ketiadaan tempat tinggal,

kemusnahan alam sekitar, pencemaran budaya dan kadar jenayah yang tinggi. Isu-isu hak ekonomi, sosial dan budaya tidak begitu dipedulikan oleh pejuang hak asasi manusia di Barat. Bagi mereka, dengan adanya hak sivil dan politik, hak-hak ekonomi, sosial dan budaya dengan sendirinya akan dapat dinikmati oleh masyarakat. Tetapi hakikatnya, perlaksanaan hak sivil dan politik gagal untuk memberikan masyarakatnya kemakmuran ekonomi, kestabilan sosial dan keutuhan budaya. Barat yang mempunyai pandangan yang agak sempit tentang hak asasi manusia telah melakukan pencabulan ekonomi, sosial dan budaya ke atas negara-negara membangun dan mundur melalui agenda globalisasi dan juga media antarabangsa. Barat telah menaja perperangan di Asia dan Afrika, dan melakukan konspirasi ekonomi, penyebaran budaya hedonisme serta budaya popular di negara-negara Timur¹⁴.

Kepentingan individu adalah mengatasi kepentingan masyarakat mengikut fahaman dan interpretasi Barat. Setiap orang dianggap berhak melakukan apa sahaja walaupun tindakan mereka mungkin akan menjelaskan hak berjuta-juta manusia yang lain. Barat selalunya yang membelakangkan sensitiviti masyarakat kerana terlalu mementingkan hak sivil dan individu. Suatu unsur yang jelas dalam peradaban Barat ialah perbuatan mendewa-dewakan individu dengan meletakkan individu sebagai kayu ukur kepada hak asasi manusia. Individu mempunyai kedudukan yang begini tinggi dalam masyarakat sehingga membelakangkan hak orang ramai yang juga mempunyai maruah.

Barat berpandangan bahawa perjuangan hak sivil dan politik dianggap suatu perjuangan yang tulen. Mereka juga menganggap bahawa hak mendapat makanan, kemiskinan, kesihatan dan sebagainya bukan lagi suatu persoalan kerana ia telah dibereskan oleh Barat sebagai sebuah peradaban yang maju dan gemilang. Selain itu mereka sangat memberikan penekanan terhadap hak sivil dan politik dalam percaturan dengan peradaban Timur kerana isu ini sangat relevan untuk membongkarkan ketidakadilan negara-negara Timur dalam hubungan Utara-Selatan.

Keseluruhannya, peradaban Barat memang bersikap diskriminasi terhadap interpretasi hak asasi manusia yang holistik. Walaupun secara retoriknya mereka menggambarkan perjuangan yang sejagat, tetapi secara praktisnya mereka menafikan hak-hak masyarakat dalam peradaban mereka dan mencabul hampir semua hak asasi dalam perhubungan antarabangsa. Persoalan kepentingan politik antarabangsa juga menjadi faktor yang menentukan sikap mereka dalam memberikan interpretasi yang lebih menyeluruh terhadap hak asasi manusia yang sebenar.

2.2.2 Hak asasi manusia mengikut pandangan Asia / Timur

Jika pandangan Barat tentang hak asasi dipengaruhi oleh pengalaman mereka pada zaman gelap, maka peradaban Asia atau peradaban Timur pula dipengaruhi oleh pengalaman mereka sebagai peradaban yang dijajah. Perbezaan pandangan

ini telah mewujudkan pertentangan pandangan yang hebat di antara peradaban Timur dan Barat dalam memahami pengertian sebenar hak asasi manusia. Pandangan Huntington bahawa isu hak asasi manusia akan menjadi krisis yang besar dalam pertembungan peradaban pada alaf ini menuju kepada kenyataan¹⁵. Peradaban Timur yang mencakupi peradaban China, Jepun, India, Parsi, Arab, Indo-China, Melayu dan sebagainya adalah sebahagian daripada peradaban yang berdasarkan agama. Mahathir Mohammad menyatakan sebahagian besar atas hak asasi manusia yang menjadi nilai masyarakat Asia adalah dipengaruhi oleh *worldview* agama. Islam, Shinto, Buddha Hinayana, Confucius dan Toa yang menjadi agama peradaban Asia mengutamakan hak keluarga, masyarakat dan pihak berkuasa¹⁶.

Peradaban Timur yang lebih lama dan maju berteraskan kehidupan beragama telah mempunyai sejarah tersendiri tentang perjuangan hak asasi manusia, tetapi mulai mengalami krisis hak asasi manusia yang serius selepas penjajahan Barat dan perkembangan modenisasi di Eropah. Manipulasi ekonomi, sosial dan budaya yang dilakukan oleh Barat telah menjadikan Asia sebagai peradaban yang hampir bangkrup. Penindasan, kemiskinan, masalah kesihatan, pendidikan, pekerjaan, pencabulan budaya dan krisis sosial berlaku dengan meluas sekali¹⁷, sehingga mendorong mereka mengutamakan kolektif, komuniti dan bangsa. Selepas era kemerdekaan, negara-negara peradaban Asia terpaksa membangunkan semula ekonomi, sosial dan budaya mereka yang telah diragut oleh Barat.

Negara-negara Asia yang sebahagian besarnya dikenali sebagai negara sedang membangun menumpukan hampir sepenuhnya kepada pembangunan ekonomi dan sosial untuk memberikan kemakmuran kepada rakyatnya. Atas dasar itulah negara-negara Asia sangat mengutamakan hak-hak ekonomi, sosial dan budaya kepada rakyatnya. Peradaban Timur yang baru mencapai kemerdekaan dan sedang dalam proses membina jati diri melihat tumpuan kepada hak ekonomi, sosial dan budaya lebih penting untuk membina keseimbangan berbanding hak sivil dan politik yang boleh menghalang proses pembangunan yang terancang. Atas dasar itu, parti-parti pemerintah di negara Asia dapat memerintah sehingga lebih daripada 40 tahun dan tidak pernah kalah dalam pilihanraya¹⁸ kerana pertukaran kerajaan digambarkan sebagai membantut proses pembangunan.

Sebagai sebuah peradaban yang besar dan majmuk, peradaban Asia menghadapi masalah kepelbagaian suku kaum, bahasa dan fahaman politik. Kemajmukan ini mempengaruhi pandangan Asia terhadap hak asasi manusia. Di Asia, hak individu terpaksa diimbangi supaya keharmonian masyarakat dapat dijaga. Negara-negara Asia telah mengenakan sekatan ke atas hak-hak tertentu untuk mengelakkan berlakunya ketegangan kaum dan politik. Dalam agama-agama Asia juga, amalan menghormati ibu bapa, menghargai institusi perkahwinan, kepentingan keluarga sebagai asas masyarakat, kepentingan menjaga alam sekitar, menjaga sumber asli dan ketelusan pegawai kerajaan adalah lebih utama berbanding hak individu. Tanggungjawab adalah lebih diutamakan berbanding kepentingan peribadi. Hak masyarakat diberikan keutamaan dan hak individu tidak dijadikan punca

pengabaian hak orang ramai. Individu juga tidak dijadikan kayu ukur moral sebaliknya agama-agama di Timur mengajar bahawa nilai moral mengatasi hak individu dalam piawai hak asasi manusia.

Selain mengutamakan hak ekonomi, sosial dan budaya, negara-negara Asia yang juga mementingkan hak masyarakat, telah menjadikan isu-isu ini sebagai asas untuk mengkritik dan menghentam Barat yang jelas mengabaikan persoalan ini. Mahathir Mohammad menyatakan, masyarakat Asia lebih mengutamakan keharmonian masyarakat dan kebertanggungjawaban pegawai awam berbanding kebebasan bersuara, hak individu, hak berpersatu dan seumpamanya¹⁹. Akibatnya perkara-perkara kebenaran, keadilan, penentangan terhadap penyelewengan dan penindasan tidak dapat disuarakan secara bebas. Pemberian hak individu dan politik disimpulkan secara mudah kononnya akan memudaratkan hak awam. Walau bagaimanapun menurut Chandra Muzaffar, dalam Buddhisme, Kristian, Hinduisme, Islam dan agama besar yang lain yang menjadi agama Asia, tanggungjawab dan hak saling berjalin dan berkelindan²⁰.

Keseluruhannya, dapat difahami bahawa peradaban Timur sangat menitikberatkan soal hak ekonomi, sosial dan budaya. Mereka juga mengutamakan masyarakat berbanding individu. Pertelingkahan yang wujud dalam memahami hak asasi manusia dengan peradaban Barat adalah akibat pengalaman sejarah, matlamat pembangunan dan kepentingan politik yang berbeza.

2.3.3 Hak asasi manusia mengikut pandangan Islam

Berbeza dengan pertelingkahan pandangan antara peradaban Barat dan Timur, peradaban Islam mempunyai *weltanschauung* yang tersendiri tetapi menyeluruh tentang hak asasi manusia. Chandra Muzaffar mengatakan bahawa hampir keseluruhan idea demokrasi dan hak asasi manusia mempunyai persamaan dengan pemikiran Islam²¹. Kaedah hukum, prinsip asas kepemimpinan, demokrasi dan perundangan Islam sangat jelas dan teguh. Bahkan Islam menganggap bahawa setiap keputusan, peraturan dan prosedur daripada pemerintah adalah tidak sah sekiranya tidak berpandukan hukum syarak. Inilah perlindungan hak yang diberikan oleh Islam. Hukum Islam juga mengambil berat proses pengadilan yang adil dan seimbang yang berakar umbi daripada asas al-Quran dan sunnah yang menjadi sumber utama hukum Islam. Allah swt berfirman :

Jadilah kamu penegak keadilan, menjadi saksi kerana Allah. sekalipun terhadap dirimu sendiri, ibu bapamu ataupun keluargamu. Jika mereka kaya atau miskin, maka Allah lebih mengetahui kemaslahatannya. Maka janganlah kamu mengikut hawa nafsu kerana ingin menyembunyikan kebenaran dan jika kamu memutarbelitkan kata-kata atau enggan menjadi saksi, maka sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala apa yang kamu kerjakan²².

Daripada Piagam Madinah sebagai perlembagaan bertulis pertama di dunia, Islam menggariskan beberapa asas hak asasi manusia seperti kebebasan diri dan keselamatan, kesamarataan, kebebasan beragama, hak masyarakat, hak bernegara dan terlibat dalam aktiviti negara serta hak ke atas harta²³. Piagam ini telah mengiktiraf hak setiap manusia sebagai insan yang bermaruah mengikut nilai kemanusiaan. Sehingga hari ini, Islam memiliki set hak asasi manusianya yang tersendiri tetapi lengkap dan sempurna. Menurut A Rahman I Doi, Islam telah menggariskan bahawa terdapat empat klasifikasi hak yang mesti ditunai oleh setiap manusia iaitu hak Allah (penentuan hukum), hak individu, hak semua manusia (awam) dan hak menggunakan dengan betul segala kurniaan Allah²⁴. Peranan pemerintah sangat penting untuk menjamin hak-hak ini. Ahmad Fauzi Morad menyatakan kepemimpinan dalam Islam bertanggungjawab untuk menegakkan keadilan, menghapuskan kezaliman²⁵.

Menurut Chandra Muzaffar, selain selari dengan prinsip demokrasi, sistem hak asasi manusia Islam juga turut mengandungi hak sivil, politik, ekonomi, sosial dan budaya mirip Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat 1948²⁶. Islam juga turut memberikan hak kepada golongan yang lemah seperti golongan miskin, minoriti dan orang cacat tanpa mengira usia, jantina, warna kulit, keturunan atau agama. Masyarakat diletakkan tanggungjawab yang besar untuk mempastikan semua manusia dapat hidup setaraf dengan sifatnya sebagai insan yang bermaruah. Mengikut pandangan Abul A'la Al-Maududi, kebebasan bersuara untuk menyatakan kebenaran bukan sahaja hak tetapi tanggungjawab yang

menjadi kewajipan setiap manusia²⁷. Dengan demikian, bagi Islam hak menjadi tanggungjawab dan tanggungjawab menjadi hak²⁸.

Ahmad Tarmizi menyatakan bahawa dalam peradaban Islam, setiap orang mesti menjaga kehormatan darah, nyawa, maruah, nama baik, harta dan rumah tangga diri sendiri dan anggota masyarakat²⁹. Islam memberikan layanan seimbang terhadap hak individu dan masyarakat. Individu dan masyarakat juga bebas mengkritik penyelewengan yang berlaku. Semua manusia mesti diberi layanan yang sama tanpa mengira keturunan, darjah, harta, pangkat, fahaman politik maupun agama³⁰. Keseluruhananya, pandangan Islam terhadap hak asasi setiap manusia adalah sangat jelas dan menyeluruh tanpa sebarang diskriminasi. Islam hanya meletakkan kemuliaan seseorang itu berdasarkan ketaqwaaannya kepada Allah³¹. Semua manusia dianggap berhak mendapatkan hak-hak mereka dan tidak seorang pun manusia boleh mencabul hak manusia yang lain tanpa mengikut lunas-lunas syariat.

2.4 SEJARAH KRISIS HAK ASASI MANUSIA

Sejarah panjang krisis dan perjuangan hak asasi manusia telah bermula semenjak wujudnya sejarah peradaban dan kemanusiaan lagi. Krisis hak asasi manusia bukan hanya berlaku ketika peradaban manusia diistilahkan sebagai ‘babarian’, tetapi juga berlaku dalam peradaban-peradaban yang besar seperti Greek, Mesir, India dan China. Walau bagaimanapun sejarah telah mencatatkan bahawa buat

pertama kalinya hak asasi manusia telah dijamin secara perlembagaan bertulis apabila Kerajaan Islam Madinah menggubal Perlembagaan Madinah pada awal abad pertama Hijriyyah (622 M).

Kegemilangan nilai kemanusiaan yang berlaku pada abad ketujuh Masehi ini bertukar menjadi tragedi apabila Barat memulakan gerakan kolonialisme mereka pada awal abad ke-15. Di seluruh dunia tanpa mengira bangsa, warna kulit dan darah keturunan, hampir seluruh manusia telah dinasikan hak-hak mereka termasuk hak untuk hidup. Walaupun di Eropah gerakan menuntut hak asasi ini berlaku dengan rancak, namun orang Eropah jugalah yang menafikan hak-hak ini daripada masyarakat sejagat. Akibatnya telah timbul kesedaran menyeluruh masyarakat antarabangsa tentang kepentingan hak asasi sehingga memaksa PBB meluluskan satu perisytiharan antarabangsa tentang hak asasi manusia pada 1948.

2.4.1 Sejarah awal krisis hak asasi manusia

Peradaban awal manusia seperti Greek, Mesir, Babylon, Mesopotamia, Hwang Ho, Rom, Mohenjadoro dan Harappa mempunyai pandangan dunia yang tersendiri tentang hak asasi manusia walaupun pelbagai penindasan hak asasi telah berlaku dengan agak berleluasa dalam peradaban-peradaban tersebut. Daripada catatan sejarah awal manusia, telah berlaku penindasan pemerintah, pembunuhan, perhambaan, diskriminasi, penafian hak beragama dan sebagainya. Namun begitu, sejarah juga merakamkan bahawa dalam peradaban tertentu

persoalan hak asasi ini telah menjadi sebahagian daripada agenda negara. Kecuali Greek. kesulitan mendapatkan dokumen-dokumen asal tentang sejarah peradaban-peradaban awal terutama peradaban Zaman Batu (Sebelum 5.000 SM) dan Zaman Logam (selepas 5.000 SM) telah menyebabkan isu-isu hak asasi manusia yang berlaku tidak dirakamkan kecuali melalui kitab-kitab suci.

Menurut Md Akhir Yaacob. peradaban purba seperti Mesir. Babylon dan Greek tidak begitu mengambil berat soal persaudaraan sejagat. kebebasan dan persamaan³². Hamba abdi. tawanan perang. buruh dan petani serta golongan bawahan yang miskin menjadi mangsa kerakusan para pemerintah pada masa itu. Dalam peradaban-peradaban ini. status seseorang manusia ditentukan oleh darah keturunan. agama. jenis pekerjaan. kemenangan dalam perang dan pemilikan harta kekayaan. Tetapi kemunculan tokoh-tokoh seperti Nabi Musa as di Mesir³³. Nabi Ibrahim as di Babylon³⁴. Iskandar Zulkarnain di Parsi³⁵ serta Socrates. Plato dan Aristotle di Greek³⁶ menunjukkan bahawa isu hak asasi manusia telah mula diperjuangkan dalam peradaban-peradaban tersebut.

Menurut Wahbah Zuhaili. beberapa kerajaan juga telah memainkan peranan dalam peradaban awal manusia untuk membela hak asasi manusia. Ini terbukti apabila terdapat beberapa undang-undang pada zaman awal peradaban manusia yang memberikan hak asasi kepada rakyatnya seperti Undang-undang Dracon (620 SM) di kota Athens yang mengupas tentang hak masyarakat: Undang-undang Solon (600 SM) juga di kota Athens yang membatalkan perhambaan. hak

bekerja, melarang penjualan anak perempuan serta hak warisan kepada anak laki-laki dan wanita; serta Undang-undang Dua Belas yang bertulis (451 SM) di Rom yang memberikan hak persamaan antara orang awam dan golongan elit³⁷. Undang-undang Hamurabi (2000 SM) di Babylon pula masih mengenakan beberapa bentuk peraturan dan hak dalam urusan prosedur jenayah serta pengurusan ekonomi melalui hutang, upah dan sewaan tanah.

Undang-undang Manu (1280 SM) di India telah membezakan kelas masyarakat dan hak diberikan mengikut kelas sehingga sistem strata ini dihapuskan oleh Buddha pada abad kelima Sebelum Masehi. Undang-undang Boukhuris (718 SM) di Mesir juga mempunyai persamaan dengan undang-undang Babylon dan Asyur yang dipengaruhi oleh Hamurabi. Empayar Romawi yang wujud sekitar abad kelima Masehi telah memperkenalkan kodifikasi undang-undang yang bertujuan untuk melindungi hak asasi manusia, walau bagaimanapun undang-undang ini gagal untuk mencapai objektif penggubalannya. Hak untuk hidup, memiliki harta, perdagangan dan sebagainya hanya diberikan dengan tertakluk kepada syarat dan batasan. Imre Szabo pula menyatakan bahawa isu hak asasi manusia mula dibincangkan secara ilmiah pada zaman Greek sebagai undang-undang tabie³⁸.

Selain peranan kerajaan atau pemerintah, satu faktor yang mengembangkan kesedaran hak asasi manusia pada zaman peradaban awal ialah agama dan sistem kepercayaan. Menurut Wan Abdul Rahman Latif, *anamisme* sebagai sistem

kepercayaan yang terawal bukan sahaja menekankan hak kemanusiaan. tetapi juga hubungan dengan alam sekitar di mana binatang tidak dibunuh melainkan untuk dimakan³⁹. Unsur-unsur ketuhanan seperti Nuer dan Dinka bagi masyarakat Afrika. Zues dan Diana (Yunani). Jupiter dan Cybele (Rom). Indra dan Varuna (Aryan). Kali (India). Inanna (Sumeria). Ishtar (Assyria dan Babylon) serta Isis (Mesir) adalah simbol-simbol yang menggambarkan kemesraan hubungan antara manusia dengan manusia dan manusia dengan alam⁴⁰.

Agama-agama awal seperti agama Hindu (Brahmanisme) yang dianut oleh orang-orang Aryan mempunyai kepercayaan tentang hukum karma. undang-undang ‘sebab-musabab’ dan sikap manusia menentukan nasibnya yang berdasarkan kitab *Veda* dan *Upanishads*. Dua kitab ini juga turut mempengaruhi pemikiran agama Buddha dan Jainisme. Agama Buddha yang diasaskan oleh Sidharta Guatama kemudiannya telah menolak sistem kasta dalam Brahmisme yang dilihat menindas kemanusiaan. Buddha yang menolak sebahagian falsafah Hindu sangat menekankan tentang peranan nafsu sebagai penyebab kesengsaraan manusia. Buddha mengemukakan ‘jalan lapan lipat’ yang mengandungi unsur-unsur kemanusiaan seperti perkataan yang betul. kelakuan yang betul. kehidupan yang betul. pandangan yang betul dan sebagainya. Kedua-dua mazhab Buddha iaitu Hinayana dan Mahayana juga sangat menitikberatkan soal pembebasan diri. Jainisme yang dipelopori oleh Mahavira (540-468 SM) pula amat terikat dengan doktrin *ahimsa* yang menolak sebarang kekerasan ke atas manusia dan haiwan.

Selain kelompok agama Brahmanisme, satu sistem kepercayaan yang penting ialah Confucianisme yang diasaskan oleh Confucius pada tahun 500 SM. Ajaran ini menekankan soal ganjaran dan hukuman, kebijaksanaan, keadilan dan penyelesaian masalah di peringkat akar umbi. Toaisme yang diasaskan oleh Lao-Tze pula mementingkan undang-undang alam sejagat dan kehidupan yang baik sebagai cara mengatasi gejala-gejala yang merosakkan kemanusiaan. Wan Abdul Rahman Latif mengatakan, ajaran Tao telah mewujudkan masyarakat yang berdisiplin dan stabil⁴¹. Satu lagi agama yang penting dalam peradaban awal ialah Kristian (Nasrani) yang diasaskan oleh Nabi Isa as melalui kitab Injil (*Bible*) pada awal abad pertama Masehi. Kristian menyeru manusia kepada keadilan dan persaudaraan sejagat. Umumnya, menurut Wan Abdul Rahman Latif, semua agama menekankan aspek yang baik seperti kebenaran, menghormati hak orang lain, kebebasan, membantu yang lemah, rajin dan sabar⁴².

Walau bagaimanapun, perjuangan rakyat untuk menuntut hak asasi manusia pada period ini tidak begitu menonjol kecuali dalam Peradaban Greek seperti yang ditegaskan oleh Szabo⁴³. Di Greek, rakyat telah bangkit memperjuangkan hak asasi sehingga mencetuskan idea demokrasi serta mengasaskan ilmu falsafah, undang-undang dan sains politik. Manakala dalam peradaban lain, fenomena tidak menuntut hak berlaku kerana kedudukan golongan bawahan yang ditindas biasanya tidak mempunyai pemimpin, tiada jaringan kerjasama, ketandusan maklumat dan kekurangan sumber. Namun begitu, menurut sejarah Islam yang dirakamkan dalam al-Quran, perjuangan manusia untuk membebaskan diri

daripada penindasan ini telah dipimpin oleh para Nabi as. Kisah-kisah yang masyhur seperti perjuangan Nabi Nuh as. Nabi Musa as. Nabi Ibrahim as. Ashabul Ukhudud. Ashabul Kahfi dan juga Nabi Muhammad saw⁴⁴ adalah antara perjuangan para Nabi as untuk menegakkan hak asasi kepada semua manusia selain tuntutan beriman kepada Allah swt.

2.4.2 Sejarah dan krisis hak asasi manusia zaman Islam/Paks Islamika

Zaman Islam atau Paks Islamika adalah satu zaman yang telah memperlihatkan kepada dunia bagaimana manusia telah mencapai kemajuan dan pembangunan yang seimbang. Sejarah peradaban Islam ini bermula pada abad ketujuh hingga awal abad ke-20 Masehi iaitu dengan bermulanya penghijrahan Rasulullah saw ke Madinah (622M) dan pembentukan negara Islam pertama di Madinah sehinggalah zaman pemerintahan Khulafa Ar-Rasyidin (632-660M). kewujudan kerajaan Umaiyyah (660-750M). Abbasiyyah (750-1261M) dan berakhir dengan keruntuhan kerajaan Othmaniyyah pada 1924.

Sebelum kedatangan Islam. masyarakat Arab Jahiliyah adalah sebuah masyarakat yang terkenal kerana berlakunya kezaliman dan menafikan hak asasi manusia⁴⁵. Pelbagai amalan jahiliyah yang mencabul hak asasi manusia telah terhenti dengan kehadiran Islam. Dalam sejarah Islam. pengiktirafan pertama Rasulullah saw terhadap hak asasi manusia telah dilakukan melalui Perjanjian Fudhul yang bermatlamat keadilan. kebebasan dan keamanan. Piagam Madinah yang digubal

oleh Rasulullah saw selaku Ketua Negara Islam Madinah merupakan perjanjian yang pertama di dunia yang menjamin hak asasi manusia. Piagam ini memberikan pengiktirafan terhadap kebebasan dan keselamatan diri, kesamarataan, kebebasan beragama, hak masyarakat, hak bernegara dan hak memiliki harta. Perjanjian Rasulullah saw dengan orang Nasrani Najran juga turut memberikan jaminan perlindungan ke atas nyawa, agama dan harta orang Nasrani oleh Kerajaan Islam Madinah⁴⁶.

Rasulullah saw juga telah memberikan garis panduan yang sangat jelas terhadap hak asasi dan kesamarataan manusia. Prinsip ini telah menjadi garis panduan oleh Khulafa Ar-Rasyidin dalam melaksanakan hak asasi dan keadilan kepada rakyat. Walau bagaimanapun krisis hak asasi manusia ini mula wujud apabila berlaku perpecahan umat Islam selepas zaman Saidina Ali bin Abi Talib kwj. Beberapa perperangan yang menumpahkan darah telah berlaku kerana perebutan kuasa dan tuntutan hak yang dibuat oleh pihak-pihak yang bertentangan⁴⁷. Selepas zaman Khulafa ar-Rashidin, umat Islam telah diperintah oleh beberapa pemerintahan monarki bermula daripada era Kerajaan Umaiyyah, diikuti oleh Abbasiyyah dan Othmaniyyah selain daripada beberapa kerajaan kecil yang bernaung di bawah kerajaan-kerajaan ini. Pada zaman monarki ini, pencabulan hak asasi telah berlaku dengan agak berleluasa akibat kezaliman pemerintah yang tidak mengikut hukum syarak sepenuhnya⁴⁸. Golongan yang mempunyai aliran pemikiran politik yang berbeza dengan pemerintah termasuk para ulama telah dibunuhi, dipenjarakan dan diburu.

Akibat penindasan yang agak berleluasa ke atas golongan yang mempunyai pandangan berbeza dengan pemerintah, telah timbul beberapa golongan ulama dan ahli falsafah Islam yang mengkritik sikap pemerintah yang mengabaikan idea keadilan Islam. Para ulama selain menulis dan memberi pandangan tentang sistem akhlaq Islam, juga memberikan pandangan tentang hak asasi manusia, keadilan Islam, kewajipan pemerintah dan sistem kehakiman sebagai respon kepada kezaliman dan penindasan pemerintah ini. Ibn Taimiyyah (1263-1328 M) telah mengemukakan pandangan yang kritis terhadap hak asasi manusia pada abad ke-13 Masehi berikutan sikap pemerintah yang mengabaikan rakyat dalam pemerintahannya. Beliau memberikan penekanan terhadap hak Allah (hak awam) dan hak-hak individu atau persendirian⁴⁹. Ibn Taimiyyah mahukan rakyat memilih pemimpin yang mempunyai sifat amanah terhadap kuasa dan kepemimpinan untuk memerintah rakyat.

Namun begitu, di sebalik beberapa krisis hak asasi manusia yang berlaku selepas pemerintahan Khulafa ar-Rashidin, terdapat juga beberapa catatan yang menunjukkan hak asasi manusia dihormati oleh pemerintah. Di Cardova, keadilan Islam sangat tertonjol sehingga pernah dianggap sebagai zaman gemilang bagi kehidupan kemanusiaan⁵⁰. Pemerintahan Othmaniyyah juga telah memberikan hak kebebasan beragama sepenuhnya kepada penduduk di Prussia, Hungary, Czechs, Slovakia dan Rumania walaupun berlaku beberapa perperangan dengan orang Kristian yang dikenali sebagai Perang Salib ketika itu. Selain itu juga,

beberapa pemimpin Islam selepas zaman Khulafa ar-Rashidin telah dirakamkan sebagai sangat adil seperti Khalifah Umar Abdul Aziz (717-720 M), dalam kerajaan Umayyah; Khalifah Harun ar-Rasyid (786-809 M), pada zaman Abbasiyyah dan juga Maharaja Jahangir dalam zaman Moghul. Menurut A Rahman I Doi, sejarah Hindu sendiri memuji keadilan Jahangir yang digelar *Adl-i-Jahangir* yakni 'keadilan Jahangir'⁵¹.

Pada keseluruhannya, penindasan hak asasi manusia di bawah pemerintahan Islam tidaklah sedahsyat yang berlaku dalam peradaban lain. Idea Islam yang memberikan kemerdekaan, kebebasan, keadilan, kesamarataan dan maruah kepada semua manusia mempengaruhi sikap peradaban Islam terhadap hak asasi manusia. Pencabulan yang berlaku dalam beberapa peristiwa yang agak terpencil berpunca daripada kerakusan pemerintah yang tidak mengikut hukum Islam secara menyeluruh. Sepanjang sejarah yang dicatatkan, semua pemerintah Islam yang mengikut hukum syarak memerintah dengan adil dan menghormati hak asasi manusia.

2.4.3 Sejarah dan krisis kak asasi manusia zaman gelap dan pertengahan di Eropah dan Amerika

Perjuangan hak asasi manusia di Barat telah bermula pada zaman gelap akibat penindasan golongan agama dan pemerintah ke atas rakyat jelata. Peranan yang dimainkan oleh pemimpin agama Nasrani (Kristian) telah menafikan hak orang-

orang Eropah untuk memiliki kebebasan dan persamaan dalam kehidupan mereka. Akibatnya muncul pemikiran modenisme yang tidak berpuas hati dengan agama Nasrani yang tradisional atau orthodoks. dan wujudnya usaha-usaha mentafsirkan semula agama sehingga memunculkan mazhab seperti Protesten⁵².

Dalam sejarah hak asasi Barat, pengisytiharan terawal telah berlaku pada 1215. iaitu apabila Archbishop Langton, seorang Inggeris bersama kumpulannya telah berjaya memaksa King John memberikan kebebasan kepada rakyat Inggeris melalui Pengisytiharan 60 perkara ini dikenali sebagai *Magna Carta*⁵³. Menurut Md Akhir Yaakob, zaman pertengahan di Eropah dikenali sebagai zaman pemusnahan kebebasan di mana rakyat dihukum mengikut kehendak raja dan ajaran gereja⁵⁴. Tekanan-tekanan ini telah menyebabkan berlakunya Revolusi Perancis. Di Britain pada 1621, King James 1. telah mengiktiraf *The Petition of Rights* untuk orang-orang Inggeris. *Bill of Rights* (1868) dan *Act of Settlement* (1701) telah diluluskan untuk memberikan kebebasan bercakap kepada orang-orang Inggeris. Thomas Hobbes, seorang ahli falsafah Inggeris telah memainkan peranan yang besar untuk memberikan kesedaran tentang hak asasi manusia serta kebebasan politik, ekonomi dan sosial.

Md Akhir Yaacob menyatakan bahawa perkembangan pesat hak asasi manusia yang berlaku di England telah menarik perhatian ahli-ahli fikir dan falsafah di tanah besar Eropah⁵⁵. Pandangan Hobbes bahawa raja berada di luar kontrak telah mendapat tentangan daripada John Locke⁵⁶. Mereka mula membincangkan

tentang kebebasan, hak dan kebebasan memilih. Rousseau, dalam kurun ke-18 menyokong kehendak demokrasi yang bermakna tidak ada kerajaan tanpa persetujuan rakyat⁵⁷. Pandangan tentang hak asasi manusia mulai menular ke Amerika apabila Dokumen Deklarasi Kemerdekaan yang didrafkan pada 1776 menggariskan kuasa rakyat dalam pembentukan kerajaan dan penghapusan hamba abdi di Amerika. Di Perancis pula, deklarasi tentang hak asasi manusia dibuat pada 1789 yang mengandungi peruntukan tentang kebebasan, hak sama rata, hak milik, keselamatan dan perlindungan daripada kezaliman. Tokoh-tokoh penyair seperti Shelley, Byron, Goethe JS Mill dan Jerny Bentham telah mengemukakan slogan 'Biar Kami Bebas' dalam syair-syair mereka.

Pada kurun ke-18 dan 19 juga, wujudnya pergerakan menentang penindasan kapitalis, imprealis dan eksploitasi yang dipelopori oleh Karl Marx dan Engels. Doktrin Engels, Marx dan Hegel telah mendapat sambutan di Eropah. Rousseau juga memberikan pandangan bahawa setiap manusia yang dilahirkan adalah bebas dari sebarang kongkongan⁵⁸. Negara Eropah dan Amerika mula memasukkan peruntukan hak asasi manusia dalam perlembagaan negara.

2.4.3 Sejarah dan krisis hak asasi manusia zaman penjajahan Barat

Zaman penjajahan Barat telah bermula pada abad ke-15 apabila berlakunya usaha-usaha pelayaran ke Timur oleh para pelayar Portugal. Pemergian Christopher Columbus ke Amerika pada 1492 dan penemuan benua Amerika oleh Amerigo

Vespucci serta Cape Town oleh Vasco Da Gama telah merancakkan usaha-usaha negara Eropah untuk melebarkan kuasa mereka ke atas negara-negara Timur. Ketibaan pelayar Portugis di Culicat, India pada 1498 dan Melaka pada 1511 serta pembukaan Terusan Suez pada 1869 menandakan bermulanya kekuasaan Barat ke atas negara-negara Asia⁵⁹.

Perkembangan hak asasi manusia telah berlaku secara berbeza di Eropah berbanding Asia, Afrika, Australia dan Amerika. Di Asia, bermula 1498 semua negara telah mengalami penjajahan kecuali Jepun, Thailand dan Afghanistan⁶⁰. Interaksi peradaban antara Barat dengan Asia ini bermatlamat untuk menguasai ekonomi, menyebarkan agama Kristian dan meluaskan tanah jajahan. Kolonis Barat telah berusaha untuk menyekat hak ekonomi orang Asia terutama orang Islam daripada terus menguasai laluan perdagangan Asia Eropah, mengaut hasil kekayaan bumi Asia dan manipulasi ekonomi. Penjajahan yang berlaku juga telah mencetuskan beberapa pemberontakan dan perperangan yang telah menafikan hak penduduk tempatan untuk hidup dan menikmati keamanan. Pada awal abad ke-20, tokoh-tokoh gerakan nasionalisme telah ditahan di bawah akta-akta seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dan Akta Darurat untuk membendung kegiatan politik mereka. Interaksi peradaban yang wujud juga telah memberikan dampak yang negatif kepada agama, budaya dan tradisi hidup masyarakat Asia.

Hubungan Barat dengan Amerika, Afrika dan Australia sedikit berbeza dengan Asia. Penduduk asal seperti Red Indian di Amerika Utara, Maori di Australia dan

New Zealand. orang kulit hitam di Afrika serta Olmecs. Mixtec. Maya. Aztec. Teotihuacan. Moche dan Nazca di Amerika Latin telah dibunuh. dijadikan hamba abdi dan dipaksa untuk menganut agama Kristian. Menurut Abdullah Ahmad. orang-orang kulit hitam Afrika telah dijadikan hamba abdi dan dinafikan haknya di Amerika selama 200 tahun⁶¹. Segala sistem tradisi termasuk sistem pendidikan. seni bina. sistem kekeluargaan dan bahasa tradisi telah dihapuskan di kalangan penduduk asal benua-benua ini. Perperangan dan manipulasi ekonomi juga turut berlaku sehingga hampir semua hak pribumi dilucutkan. Negara-negara Afrika yang dahulunya kaya seperti Sudan telah bertukar menjadi sebuah negara yang miskin dan mundur.

Ketika penjajah Barat sedang dinafikan hak-hak asasi manusia di seluruh dunia. di Eropah perjuangan menuntut kebebasan beragama telah berlaku pada abad ke-17 dan 18. Kongres Vienna (1815 M) diadakan untuk melindungi penganut Kristian. memerangi perhambaan dan rakyat minoriti⁶². Antara 1864 hingga 1929 juga telah berlaku beberapa konvensyen antarabangsa tentang hak orang yang luka dalam perperangan dan mengharamkan perhambaan. Konvensyen Ganeva 1922 dan Persidangan Damai Paris telah memberikan hak-hak kaum minoriti⁶³. Penubuhan Liga Bangsa-bangsa Bersatu selepas Perang Dunia Pertama telah menumpukan kepada objektif ekonomi dan sosial. Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) pula memberikan jaminan tentang upah. masa kerja. keselamatan sosial. kesihatan. perumahan dan sebagainya kepada pekerja.

Perang Dunia yang berlaku pada 1911-1914 dan 1941-1945 juga merupakan antara pengalaman ngeri dunia tentang pencabulan hak asasi manusia. Peperangan yang melibatkan dua blok kuasa ini telah mengakibatkan pembunuhan jutaan manusia. kemusnahan alam sekitar. hamba seks dan penjajahan yang jelas mencabul hak asasi manusia. Selepas Perang Dunia. perjuangan hak asasi manusia menjadi semakin global apabila Piagam Atlantik telah ditandatangani pada 1941⁶⁴. Pengisytiharan Bangsa-bangsa Bersatu pada 1942 telah bersetuju tentang pentingnya mengalahkan musuh demi mempertahankan nyawa. kebebasan. kemerdekaan. kebebasan beragama dan keadilan kepada seluruh manusia. Perkembangan positif ini telah mencetuskan kepada kemerdekaan negara-negara jajahan oleh penjajah Barat dan merangsang kewujudan Perisyiharan Hak Asasi Manusia Sejagat 1948.

2.4.4 Krisis hak asasi manusia selepas 1948

Pencabulan Yahudi ke atas umat Islam di Palestin pada 1948 dan penubuhan negara haram Israel merupakan antara krisis pertama hak asasi manusia secara terbuka selepas Perang Dunia Kedua⁶⁵. Selain krisis yang berlaku di Palestin ini. krisis hak asasi manusia juga turut berlaku yang melibatkan hak sivil. politik. ekonomi. sosial dan budaya di seluruh dunia. Mengikut laporan PBB. semenjak 1948 PBB telahpun menghantar 16 pasukan pengaman untuk mengawal konflik. menangani peperangan yang berlaku di serata dunia serta mengekalkan keamanan dan keselamatan antarabangsa⁶⁶. Krisis yang melibatkan pelbagai peperangan ini

telah menyebabkan jutaan nyawa telah terbunuh dan sebahagian besar yang lain terpaksa menjadi pelarian yang menafikan hak mereka untuk menikmati keamanan, kebebasan dan keadilan.

Krisis ekonomi, sosial dan budaya seperti hak mendapatkan makanan, kesihatan, pendidikan, masalah kemiskinan, pekerjaan, penindasan kanak-kanak, wanita, orang cacat, sekatan kebebasan beragama, pengamalan budaya tradisi, hidup berkeluarga, memiliki taraf hidup sempurna, hak pribumi dan sebagainya turut menjadi isu penting dalam perkembangan hak asasi manusia selepas 1948. Hak-hak sivil dan politik juga telah mengalami penafian secara sah di negara-negara tertentu. Dasar negara maju ke atas negara miskin dan peranan regim antarabangsa seperti Bank Dunia, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) dan Perjanjian Umum Tarif dan Perdagangan (GATT) telah membentuk penindasan ekonomi global. Kegagalan Majlis Keselamatan PBB berfungsi secara adil, kekuasaan militer dan peranan media juga turut memberikan dampak kepada penindasan politik global. Pengembangan budaya popular dan hedonisme pula semakin membunuh budaya tradisi yang diwarisi turun temurun.

Dengan perkembangan budaya maklumat dan teknologi yang semakin canggih, sedangkan sejarah hitam pencabulan hak asasi manusia masih belum mampu dipadamkan daripada catatan sejarah, kini menjanjikan kepada peradaban manusia suatu krisis yang sangat besar. Walaupun kesedaran tentang hak asasi

manusia semakin berkembang, tetapi tidak bermakna pencabulan semakin berkurangan. Di sesetengah negara, undang-undang yang zalim sengaja digubal untuk menjustifikasikan pencabulan mereka sebagai suatu yang halal dan diizinkan oleh peraturan negara. Yang pasti, peradaban dunia pada alaf ini menghadapi krisis yang besar iaitu pencabulan berleluasa terhadap hak asasi manusia.

2.4 PERSOALAN HAK ASASI MANUSIA SEBAGAI SUATU KRISIS

Seperti mana makanan, pakaian dan tempat tinggal menjadi keperluan asas kepada manusia, hak asasi manusia juga merupakan keperluan yang sangat asas kepada manusia dalam membina kehidupan. Tanpa mendapat hak yang sempurna, bukan sahaja kehidupan manusia menjadi tidak lengkap, tetapi juga peradaban manusia turut terjejas dengan pencabulannya. Peradaban manusia terbina di atas kekuatan fizikal dan juga pembangunan kemanusiaan yang pesat. Pencabulan hak asasi manusia bermakna keterjejasan terhadap nilai-nilai kemanusiaan di dalam sesebuah peradaban.

Walaupun hampir semua manusia menyedari kepentingan hak asasi manusia, bahkan semua manusia menuntut supaya hak masing-masing diberikan, namun di seluruh dunia telah berlaku krisis kemanusiaan yang sangat hebat dan dahsyat apabila hak asasi manusia terus dicerobohi sejak zaman berzaman. Sebagaimana yang telah dirakamkan, hak asasi manusia telah dicerobohi semenjak zaman awal

sejarah peradaban manusia hingga selepas Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat 1948. Pun begitu, sehingga hari ini hak asasi manusia masih diceroboh di mana-mana bahkan dengan bermulanya era globalisasi ini. hak budaya. ekonomi dan sosial telah diceroboh secara kolektif.

Pencabulan secara global ini merupakan isyarat yang jelas bahawa petaka ini telah menjadi krisis yang sangat besar kepada kehidupan manusia. Pelbagai pihak terutamanya kuasa-kuasa besar menggunakan kecanggihan teknologi. sistem ekonomi terbuka. ketenteraan dan media massa secara besar-besaran untuk melancarkan konspirasi menghancurkan hak asasi manusia di negara-negara sedang membangun dan mundur⁶⁷. Negara maju menuduh negara Asia tidak melaksanakan hak sivil dan politik. tetapi mereka sendiri menaja keganasan. kezaliman. penindasan ekonomi. sosial dan budaya⁶⁸. Di negara-negara sedang membangun terutamanya di Asia. pencabulan hak sivil dan politik dilakukan sendiri oleh pemerintah atas alasan demi pembangunan. Negara sedang membangun mengkritik Barat kerana mencabul hak ekonomi. sosial dan budaya mereka ketika mereka sendiri tidak menghormati hak sivil dan politik rakyatnya sehingga menjadikan isu hak asasi sebagai satu krisis⁶⁹.

Sebagai suatu petanda yang jelas bahawa pencabulan hak asasi manusia kini bertukar menjadi krisis kemanusiaan ialah apabila di seluruh dunia manusia telah bangkit untuk menuntut hak mereka. Kesedaran ini timbul akibat tekanan yang terlalu hebat ke atas golongan kelas bawahan. Akibat daripada kesedaran manusia

yang menyeluruh terhadap krisis ini. secara global manusia mulai membincangkan tentang pencabulan hak asasi manusia. Tetapi ternyata kesedaran ini bersama berpuluhan deklarasi dan seminar antarabangsa tentang hak asasi manusia masih belum mampu untuk membendung pencerobohan ke atas hak asasi manusia di seluruh dunia. Ini membuktikan bahawa isu hak asasi manusia telah bertukar menjadi satu krisis.

Ketika pencabulan hak asasi manusia sedang dicabul di mana-mana di seluruh dunia. penguatkuasaan undang-undang ternyata gagal menyelesaiannya. program pendidikan masih belum berjaya walau kesedaran mulai kelihatan: timbul pula masalah baru iaitu wujudnya perbezaan pandangan tentang hak asasi manusia. Dunia Barat begitu mengambil berat soal hak sivil dan politik sehingga mengabaikan hak ekonomi. sosial dan budaya. begitu juga sebaliknya peradaban Asia. Mereka saling tuduh menuduh dan bertelagah tentang suatu isu yang sepatutnya dibincangkan secara sejagat sehingga merumitkan lagi krisis ini. Pertembungan peradaban kerana isu hak asasi manusia sudah pasti memberikan dampak yang besar kepada manusia seluruh dunia dan pencabulan hak asasi ini akan terus menjadi krisis penting yang terus diperbincangkan dalam forum-forum antarabangsa walaupun tanpa penyelesaian.

2.5 DEKLARASI ANTARABANGSA TENTANG HAK ASASI MANUSIA

Selepas berlakunya Perang Dunia Kedua pada 1941-1945 yang mengakibatkan kemasuhan nyawa dan harta benda yang dahsyat, umat manusia telah mula menyedari secara sejagat peri pentingnya hak asasi manusia ini diberikan perlindungan. Negara-negara kuasa besar terutama yang menjadi tunggak PBB telah memainkan peranan yang utama dalam menggerakkan perjuangan hak asasi di peringkat antarabangsa. Menurut Hartono Marjono, tiga negara yang memainkan peranan besar untuk meletakkan hak asasi manusia sebagai sahaman negara ialah Britain, Amerika Syarikat dan Perancis⁷⁰. Perkembangan perjuangan hak asasi manusia yang berlaku di Barat semenjak 1215 telah mempengaruhi masyarakat antarabangsa tentang peri penting hak asasi manusia.

Hasil daripada perjuangan ketiga-tiga negara ini juga telah membawa kepada kelahiran Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat pada 10 Disember 1948. Sebelum itu pada 1946, PBB telah membentuk satu jawatankuasa hak asasi manusia yang menjadi pelopor kepada kewujudan deklarasi 1948. Selain itu, Md Akhir Yaacob menyebutkan bahawa Majlis Islam Sedunia telahpun membuat garis panduan hak asasi manusia mengikut pandangan Islam yang berteraskan al-Quran dan Sunnah di London melalui Perisytiharan Hak Asasi Manusia Dari Perspektif Islam pada 1981⁷¹.

2.5.1 Perisyiharan Hak Asasi Manusia Sejagat 1948

Piagam PBB yang ditandatangani pada 1945 dalam Persidangan San Francisco hasil daripada *Dumbarton Oaks Proposal* 1944 telah menyatakan dengan jelas tentang kedudukan hak asasi manusia seperti dalam Perkara 1, 13, 55, 62 dan 64⁷². Melalui Perkara 68 piagam ini. Suruhanjaya Hak Asasi Manusia telah ditubuhkan untuk menggubal *International Bill of Rights* dan diterima sebagai Perisyiharan Hak Asasi Manusia Sejagat pada 10 Disember 1948 dalam Persidangan Agung PBB. Perisyiharan 30 Perkara ini merupakan kejayaan awal PBB dalam menangani hak-hak dan kebebasan asasi manusia yang sepatutnya diperolehi oleh setiap orang tanpa diskriminasi. Pengisytiharan ini juga telah memberikan pengertian semula terhadap kebebasan, kemuliaan, persamaan dan keadilan yang sepatutnya dimiliki oleh setiap insan selain berobjektif untuk menghalang pemberontakan terhadap kezaliman dan penindasan dengan mengembalikan hak asasi manusia melalui kedaulatan undang-undang.

Perisyiharan ini juga menyarankan:

Perisyiharan Hak Asasi Manusia ini ialah supaya setiap individu dan setiap badan masyarakat dengan sentiasa mengingati perisyiharan ini hendaklah berazam melalui pelajaran dan pendidikan bagi memelihara dan mengajukan sanjungan terhadap seluruh hak asasi dan kebebasan ini, dan secara berperingkat dari

negara hingga antara negara, bagi menjamin pengiktirafan dan pematuhan sejagatnya yang berkesan, kedua-duanya di antara negara-negara anggota masing-masing dan rakyat wilayah-wilayah di bawah bidang kuasa mereka⁷³.

Perisyiharan Hak Asasi Manusia Sejagat 1948 ini telah merumuskan tentang satu set hak asasi manusia yang menyeluruh untuk diterima sebagai panduan kepada masyarakat global⁷⁴. Ia mengandungi hak-hak yang mesti dihormati oleh semua pihak meliputi hak sivil, hak politik, hak ekonomi, hak sosial dan hak budaya. Perisyiharan ini juga menekankan soal setiap manusia adalah dilahirkan bebas dan sama rata dari segi kemuliaan dan hak-hak tanpa membezakan bangsa, warna kulit, asal-usul keturunan, bahasa, agama, negara, fahaman politik, jantina, harta benda, umur dan lain-lain taraf.

2.5.2 Konvenan Antarabangsa Tentang Hak Sivil dan Politik 1966

Selepas Perisyiharan Hak Asasi Manusia Sejagat 1948, PBB telah mengusahakan satu *International Covenant on Civil and Political Rights* pada 19 Disember 1966 dan dikemukakan untuk pengiktirafan antarabangsa pada 23 Mac 1976 bagi memperincikan hak-hak sivil dan hak-hak politik kepada setiap manusia. Perkara 6 hingga 27 terma (*convenant*) ini telah memperjelaskan hak untuk hidup; hak diberi layanan baik; hak tidak diperhambakan dan tidak dijadikan buruh paksa; hak tidak boleh ditahan sewenang-wenangnya; hak menikmati kebebasan dan

menerima layanan kemanusiaan; dan hak tidak boleh dipenjarakan semata-mata kerana tidak dapat memenuhi perjanjian dan tanggungjawabnya⁷⁵.

Terma ini juga memperuntukan hak untuk bebas bergerak dan bebas memilih tempat tinggal: had-had sesebuah kerajaan untuk menghantar pulang pendatang asing yang sah: hak diadili secara saksama, jaminan terhadap prosedur jenayah dan sivil: hak untuk tidak didakwa di bawah undang-undang yang diawal tarikhkan: hak diiktiraf sama taraf dalam undang-undang: dan larangan untuk mengganggu sewenang-wenang atau di luar batas undang-undang terhadap kebebasan individu, keluarga, rumah atau orang terdekat. Sebagai tambahan, terma ini turut memberikan perlindungan dan hak untuk bebas berfikir, kesedaran dan agama. Kebebasan menyatakan pendapat: larangan sebarang propaganda negatif berasaskan negara, bangsa dan agama yang membawa kepada diskriminasi dan keganasan: kebebasan berhimpun: kebebasan berpersatuan: kebebasan berkahwin dan membina keluarga: perlindungan ke atas kanak-kanak: hak setiap orang mengambil bahagian hal ehwal masyarakat, hak mengundi dan dipilih: hak mendapat keadilan undang-undang dan menyertai perkhidmatan awam dalam negaranya: hak persamaan di sisi undang-undang dan mendapat perlindungan undang-undang yang sama rata: serta perlindungan terhadap etnik, agama dan bahasa minoriti.

2.5.3 Konvenan Antarabangsa Tentang Hak Ekonomi, Sosial dan Budaya

1966

International Covenent on Economy, Social and Culture Rights telah diisyiharkan serentak dengan Konvenan tentang Hak Sivil dan Hak Politik tetapi dikemukakan kepada masyarakat antarabangsa pada 3 Januari 1976. Terma-terma dalam Konvenan Antarabangsa tentang Hak Ekonomi, Hak Sosial dan Hak Budaya 1966⁷⁶ telah memperuntukan dengan jelas tentang pengiktirafan terhadap hak-hak bekerja; hak menikmati keadilan dan merasai keselesaan bekerja; hak menuju dan menyertai kesatuan sekerja; hak keamanan sosial, termasuk jaminan sosial; hak-hak keluarga, ibu, kanak-kanak dan orang muda untuk dilindungi dan dibantu; hak memiliki keperluan hidup yang mencukupi; hak untuk menikmati kesihatan mental dan fizikal mengikut standard tertinggi; hak mendapat pendidikan; serta hak mengambil bahagian dalam kehidupan budaya. Walaupun konvenan ini hanya mengandungi 16 perkara, tetapi telah mencakupi hampir keseluruhan pengiktirafan terhadap hak-hak ekonomi, sosial dan budaya.

Kedua-dua konvenan hak asasi 1966 ini juga telah memperjelaskan tentang hak membuat keputusan sendiri sebagai sejagat, menuntut setiap negara menghormati dan merealisasikan hak ini. Ia juga memberikan hak persamaan lelaki dan wanita dalam menikmati semua hak-hak asasi manusia, dan menyertai kerajaan untuk melaksanakan prinsip tersebut. Kedua-dua konvenan ini juga turut mengawal pemusnahan atau penghadan mana-mana aspek hak asasi manusia atau kebebasan

mutlak. dan juga penyalahafsiran terhadap mana-mana peruntukan dalam konvenan tersebut dengan maksud untuk menjustifikasi pencabulan mereka ke atas hak dan kebebasan.

2.6.4 Deklarasi-deklarasi antarabangsa yang lain tentang hak asasi manusia

Semenjak 1948. pelbagai pengisytiharan antarabangsa telah dibuat meliputi pelbagai aspek hak asasi manusia. Menurut laporan PBB. sehingga Jun 1995 lebih 80 konvensyen dan deklarasi telah dibuat yang bertujuan untuk memperjelaskan dan menguatkuasakan perlaksanaan hak asasi manusia di seluruh dunia⁷⁷. Deklarasi-deklarasi ini mencakupi hampir keseluruhan aspek hak asasi manusia termasuk hak sivil. politik. ekonomi. sosial dan budaya. Semua deklarasi ini dikenali sebagai *International Bill of Human Rights*.

Di antara deklarasi yang terpenting tentang hak asasi manusia selain pengisytiharan 1948 ialah Konvenan Antarabangsa tentang Hak Sivil dan Politik 1966. Konvenan Antarabangsa tentang Hak Ekonomi. Sosial dan Budaya 1966. Proklamasi Tehran 1968 dan Deklarasi Vienna 1993. Konvenan 1966 adalah bertujuan untuk memperjelaskan secara terperinci terhadap salah faham tentang hak asasi manusia yang meliputi aspek sivil. politik. ekonomi. sosial dan budaya. Proklamasi 1968 pula bertujuan untuk mengisyiharkan tahun tersebut sebagai Tahun Antarabangsa untuk Hak Asasi Manusia. Deklarasi 1993 pula berobjektif untuk mempertegaskan semula pengisytiharan 1948 dan 1966.

Selain deklarasi-deklarasi di atas, beberapa deklarasi lain yang dianggap penting ialah *Convention on The Prevention and Punishment of the Crime of Genocide* (1948), *Convention Relating to the Status of Refugees* (1961), *International Convention on the Elimination of All Forms of Racial Discrimination* (1966), *Convention on the Elimination of All Forms of Intolerance and of Discrimination Based on Religion and Belief* (1981), *Convention Against Torture and Other Cruel Inhuman or Degrading Treatment or Punishment* (1984), *Declaration on the Right to Development* (1986), *Convention on the Rights of the Child* (1989), *International Convention on the Protection of the Rights of All Migrant Workers and Members of Their Families* (1990) dan *Declaration on the Rights of Persons Belonging to National Ethnic, Religious and Linguistic Minorities* (1992)⁷⁸.

Dalam pada itu juga beberapa deklarasi peringkat regional turut dibuat seperti *European Convention on Human Rights*, *American Convention on Human Rights* dan *African Charter of Human and Peoples Rights*⁷⁹. Untuk mempertingkatkan kesedaran manusia tentang hak asasi manusia juga, beberapa program dan kempen antarabangsa tentang hak asasi manusia telah dilaksanakan seperti *International Year of Human Rights* (1968), *International Year for Action to Combat Racism and Racial Discrimination* (1971), *International Women's Decade* (1976-1985), *World Public Information Campaign* (1988), *Third Decade to Combat Racism and Racial Discrimination* (1993-2003), *International Year of the World's Indigenous People* (1993), *International Decade of the World's*

Indigenous People (1994-2004) dan *Decade for Human Rights Education* (1995)⁸⁰.

Bekas Setiausaha Agung PBB, Boutros Boutros-Ghali dalam ucapannya di Persidangan Dunia tentang Hak Asasi Manusia di Vienna pada 1993 menyebutkan:

*The set of (human rights) instruments resulting from this standard-setting by the United Nations General Assembly is now our common property. It has enough to satisfy all States, all peoples and all culture, for the universality it affirms is that of the international community as a whole*⁸¹.

Pada 1981, Majlis Islam Sedunia telah bersidang di London dan membuat perisytiharan tentang hak asasi manusia menurut pandangan Islam yang berlandaskan al-Quran dan Sunnah⁸². Perisytiharan 23 perkara ini memberikan kefahaman kepada masyarakat antarabangsa tentang hak-hak asasi menurut Islam meliputi hak sivil, politik, ekonomi, sosial dan budaya. Perisytiharan juga memperuntukan bahawa hak-hak asasi ini menjadi suatu yang abadi, tidak boleh ditolak, dipinda, dihapus atau digantung. Hak ini telah dikurniakan dan disahkan oleh Allah sebagai mengekalkan kemuliaan manusia tanpa mengenal bangsa, darjat, warna kulit, bahasa atau agama.

Perisyiharan ini juga memberikan kepada semua manusia kesamarataan. kebebasan. menghormati keluarga. persamaan di sisi undang-undang. amanah kuasa ke atas pemerintah. keperluan beriman kepada Allah. keperluan syura dalam memutuskan kepentingan ramai. persamaan menikmati peluang dan memikul tanggungjawab. sama rata rakyat dan pemerintah di hadapan pengadilan. tidak ada sesiapapun boleh dibiarkan menderita tanpa pembelaan. keperluan penentangan terhadap kezaliman serta jaminan untuk hidup tenteram. bebas. mulia dan layanan adil.

2.5.5 Suruhanjaya Tinggi Hak Asasi Manusia PBB

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia yang pertama dibentuk pada 1946 berdasarkan peruntukan Perkara 68 Piagam PBB 1945. Suruhanjaya ini telah berjaya memainkan peranan terpenting untuk mendrafkan *International Bill of Human Rights* yang diisytiharkan sebagai Perisyiharan Hak Asasi Manusia Sejagat 1948 yang telah membentuk pandangan dunia yang baru kepada masyarakat antarabangsa tentang hak asasi manusia. Di bawah Perkara 13 Piagam PBB pula. telah memperjelaskan peranan Persidangan Agung PBB untuk memberikan perhatian terhadap permasalahan hak asasi manusia yang meliputi hak ekonomi. sosial. budaya. pendidikan dan kesihatan secara asas tanpa mengira bangsa. jantina. bahasa atau agama⁸³.

Selepas 1948. beberapa suruhanjaya khas telah ditubuhkan untuk menjadi rujukan dan menangani isu-isu hak asasi di seluruh dunia⁸⁴. Suruhanjaya-sruhanjaya ini berfungsi untuk merangka piagam-piagam hak politik. ekonomi. sosial. budaya. penjajahan. pentadbiran dan belanjawan. menangani isu-isu semasa seperti kes Namibia dan Palestin. melindungi minoriti. wanita dan sebagainya. Beberapa badan turut ditubuhkan untuk menangani masalah buruh. kesihatan. pelarian. keadilan antarabangsa. pendidikan dan budaya. makanan dan pertanian⁸⁵.

Setelah melalui hampir 80 persidangan dan lebih 80 deklarasi. akhirnya pada 20 Disember 1993 telah ditubuh Suruhanjaya Tinggi Hak Asasi Manusia PBB dalam Persidangan Agung PBB 1993 di Veinna untuk menangani isu-isu hak asasi manusia di seluruh dunia. Ia mempunyai fungsi untuk menggubal dan menguatkuasa undang-undang hak asasi antarabangsa. mengatur program pendidikan hak asasi manusia. mengadakan siasatan terhadap aduan pencabulan hak asasi manusia. menasihati badan antarabangsa tentang hak asasi manusia dan memantau penubuhan serta aktiviti suruhanjaya hak asasi manusia di negara-negara di seluruh dunia⁸⁶. Ekoran itu. sebahagian besar negara di seluruh dunia telah menu buhkan suruhanjaya hak asasi manusia di negara masing-masing untuk menangani isu-isu hak asasi manusia.

Selain daripada suruhanjaya-sruhanjaya tersebut. beberapa badan antarabangsa juga telah ditubuhkan oleh PBB seperti Majlis Keselamatan PBB. Majlis Pemegang Amanah PBB. Suruhanjaya Undang-undang Antarabangsa.

Suruhanjaya Tinggi untuk Pelarian, Undang-undang Keadilan Antarabangsa dan Sekretariat PBB yang dipertanggungjawabkan untuk memantau masalah hak asasi manusia dari masa ke masa⁸⁷. Beberapa badan khusus pula ialah seperti Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO), Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Budaya PBB (UNESCO), Pertubuhan Makanan dan Pertanian PBB (FAO) dan Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) diberi peranan untuk menyelia masalah hak asasi mengikut bidang masing-masing⁸⁸. Badan-badan khusus untuk menangani isu-isu pembangunan ekonomi negara dunia ketiga: tabung kewangan dan perdagangan; alam sekitar; kanak-kanak, wanita, makanan, pengawalan dadah dan sebagainya turut ditubuhkan. Beberapa badan yang bersifat serantau dan domestik juga ditubuhkan untuk maksud yang sama.

2.6 PENUTUP

Berdasarkan kupasan-kupasan yang dibuat terhadap falsafah dan pengertian hak asasi manusia dan juga pembongkaran sejarah pencabulan serta perjuangan menuntut hak asasi manusia ini, jelas terpapar bahawa isu hak asasi manusia bukan lagi suatu perkara yang remeh dalam peradaban manusia hari ini. Walaupun manusia kontemporari masih melihat pembangunan ekonomi, kecekapan teknologi dan kompleksiti sistem politik sebagai sangat penting, namun elemen kemanusiaan ini tetap menjadi teras kepada pembangunan yang seimbang.

Menyedari krisis yang semakin mencabar ini juga, manusia di seluruh dunia telah mulai mengatur garis-garis asas supaya hak asasi manusia dinikmati oleh semua. Selain pelbagai deklarasi tentang berbagai-bagai aspek hak asasi, beberapa suruhanjaya juga turut dibentuk untuk mengawal dan menguatkuaskan keperluan hak asasi kepada semua manusia. Dengan tertunainya hak asasi manusia ini, semua manusia akan berpeluang untuk hidup dengan bermaruah dan penuh harga diri.

Nota Hujung

- ¹ Md Akhir Yaacob (1985) *Hak Asasi Manusia Menurut Islam: Satu pendekatan perbandingan* Shah Alam Dewan Pustaka Fajar hal 8
- ² Kamus Dewan (edisi ketiga). (1994) Kuala Lumpur DBP. hal 428
- ³ Mahdi Shuid (2000). Terminologi Peradaban Sukar Didefinisikan Mudah Diperjelas dalam jurnal *Ilacana Dialog Peradaban*. jld 1. MHF Publication Puchong. hal 3
- ⁴ Oxford Latin Dictionary (1983). New York
- ⁵ Mahdi Shuid. *Op cit.* hal 5
- ⁶ *Ibid.* hal 4
- ⁷ *Ibid.* hal 5
- ⁸ Chandra Muzaffar (1995a) *Hak Asasi Manusia Dalam Tala Dunia Baru* Bandung Pustaka Mizan. hal 33 dan 60
- ⁹ Zarina Mohamed (1997) Sejarah Perkembangan Tamadun Islam dalam Ahmad Fauzi Morad (edit) *Tamadun Islam* Serdang UPM. hal 43
- ¹⁰ Mohd Akhir Yaakob. *Op cit.* hal 10
- ¹¹ Zarina Mohamed. *Op cit.* hal 42-43
- ¹² Md Akhir Yaakob. *Op cit.* hal 10-15
- ¹³ Chandra Muzaffar. *Op cit.* hal 31
- ¹⁴ *Ibid.* hal 47 Lihat juga Mahfuz Omar (2000) *Mengasak Perjuangan* Kuala Lumpur PAS. hal 24-26
- ¹⁵ Huntington. Samuel P. (1996) *The Clash of Civilizations and The Remaking of World Order* New York Simon and Schuster hal 192-198
- ¹⁶ Mahathir Mohamad (1999) *Kebangkitan Semula Asia* Kuala Lumpur Pelanduk hal 77 dan 85
- ¹⁷ Chandra Muzaffar. *Op cit.* hal 32
- ¹⁸ Semenjak era kemerdekaan pada pertengahan abad yang lalu, parti pemerintah seperti di Malaysia (BN), Singapura (PAP), Indonesia (Golkar), India (Kongres II), Taiwan (Kaomingtang) dan Jepun (LDP) dapat mengekalkan selama lebih 40 tahun
- ¹⁹ Mahathir Mohamad. *Op cit.* hal 85
- ²⁰ Chandra Muzaffar. *Op cit.* hal 67
- ²¹ *Ibid.* hal 58
- ²² *Al-Quran*. Surah 4. 135
- ²³ Md Akhir Yaakob. *Op cit.* hal 50-56 Lihat juga Ahmad Tarmizi Talib (1997) Islam sebagai Agama dan Tamadun dalam *Tamadun Islam*. hal 2
- ²⁴ A Rahman I Doi. (1992) *Orang Bukan Islam di Bawah Undang-undang Syariah*. Kuala Lumpur DBP hal iv
- ²⁵ Ahmad Fauzi Morad (1997) Politik dan Pentadbiran dalam *Tamadun Islam*. hal 94-95
- ²⁶ Chandra Muzaffar. *Op cit.* hal 61
- ²⁷ Abul A'la Al-Maududi (1983) *Human Rights in Islam* Leicester Islamic Foundation. hal 28
- ²⁸ Lihat Chandra Muzaffar (1990) "Etniksiti, Konflik Etnik dan Hak Asasi Manusia" dalam *Asian Perspectives on Human Rights* editor Claude E. Welch Jr dan Virginia A Leary San Francisco. Oxford Westview Press
- ²⁹ Ahmad Tarmizi Talib. *Op cit.* hal 8
- ³⁰ Zarina Mohamed (1997) Kekeluargaan dan Kemasyarakatan dalam *Tamadun Islam*. hal 51-52
- ³¹ Lihat *Al-Quran*. Surah 49. 13
- ³² Md Akhir Yaacob. *Op cit.* hal 8
- ³³ Tentang kisah pencabulan hak asasi oleh Firaun di Mesir dan perjuangan Nabi Musa as. sila lihat *Al-Quran*. Surah al-Qasas. ayat 1-48
- ³⁴ Tentang kisah pencabulan hak asasi oleh Namrud di Babylon dan perjuangan Nabi Ibrahim sila lihat *Al-Quran*. Surah Al-Anbiya. ayat 51-70
- ³⁵ Iskandar Zulkarnain adalah seorang raja yang salih dan beriman di Parsi atau riwayat lain mengatakan di Greek yang memerintah sebelum zaman Plato. Kisah Zulkarnain memperjuangkan hak asasi manusia daripada dicabul oleh Yakub dan Makjut dirakamkan dalam *al-Quran*. Surah Al-Kahfi. ayat 83-98 Zulkarnain diberitakan pernah membebaskan 40 000 hamba dan terkenal dengan kata-kata hikmahnya, "Aku mahu semua manusia hidup bebas" yang boleh dianggap sebagai induk hak asasi manusia. Lihat TV3 (2002) *Jejak Rasul* 8. disiar pada 21 November
- ³⁶ Untuk perhincangan tentang pejuangan tokoh-tokoh pemikir Greek ini. sila lihat Rapap J H (1993) *Falsafah politik Plato*. Kuala Lumpur DBP. hal 4-35 Lihat juga Hare. R M (1992) *Plato, tejh Kassim Ahmad* Kuala Lumpur DBP. hal 1-30 dan Wan Abdul Rahman Latiff et.al (1996) *Sejarah Perkembangan Tamadun Dunia* Kuala Lumpur DBP. hal 33
- ³⁷ Wahbah Zuhaili (1997) *al-Quran Perlaksanaan Hukum dan Peradahan Manusia* Batu Caves ALBAZ Publishing & Distribution Sdn. Bhd. hal 17-19.
- ³⁸ Szabo (1982) "Historical Foundations of Human Rights and Subsequent Developments" dalam Karel Vasak (edit) *The International Dimensions of Human Rights*. vol 1. hal 12

-
- ³⁹ Wan Abdul Rahman Latiff (1996) *Permulaan Tamadun Manusia*. dalam Wan Abdul Rahman Latiff et.al. *Op cit.* hal 11.
- ⁴⁰ *Ibid.* hal 13-14.
- ⁴¹ *Ibid.* hal 44
- ⁴² *Ibid.* hal 38
- ⁴³ Szabo (1982). hal 12
- ⁴⁴ Sila lihat *Al-Quran* pada Surah Yusuf, ar-Rum, Faathir, al-A'raaf, an-Naml, Ibrahim, al-Qasas, al-Ankabut, al-Israa', al-Ahzab, Ali Imran, Huud, Saba', asy-Syu'araa dan Lukman
- ⁴⁵ Di antara pencabulan hak asasi manusia yang berlaku ialah pembunuhan secara berleluasa. pembunuhan kanak-kanak perempuan, penindasan wanita, perhambaan, penindasan ekonomi dan ketidakadilan kebebasan beragama telah menjadi rutin kehidupan masyarakat Arab. Sila lihat Zarina Mohamed, "Sejarah Perkembangan Tamadun Islam". *Op cit.* hal 40
- ⁴⁶ Sila lihat Md Akhir Yaakob. *Op cit.* hal 50-57
- ⁴⁷ Sila lihat Mustafa Suhaimi (1996) *Bahaya Aqidah Sesat Ajaran Songsang*. Kuala Lumpur: Penerbit Visi Hikmat Sdn Bhd. hal 3-13
- ⁴⁸ Lihat Khairuddin Muhamamad (1979). *Sejarah Islam*. Jilid 2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hal 13, 29-32 66-69 dan 75-76
- ⁴⁹ Mahmood Zuhdi Abdul Majid (1993). *Pandangan Ibn Taimiyyah Tentang Politik dan Pentadbiran Sebagaimana Dalam Buku* Al-Siyasah Al-Syar'iyyah. dalam Mohammad Kamil Abdul Majid (peny.) *Tokoh-tokoh Pemikir Islam*. Jilid 1. Kuala Lumpur: ABIM. hal 72
- ⁵⁰ Khairuddin Muhamamad. *Op cit.* hal 47-50
- ⁵¹ A Rahman I Dor. *Op cit.* hal 25
- ⁵² Muhammad Uthman El-Muhammady & Wan Muhammad Ali (1977) *Islam dan Modernisme*. Petaling Jaya: Angkatan Belia Islam Malaysia. hal 26
- ⁵³ Md Akhir Yaakob. *Op cit.* hal 10
- ⁵⁴ *Ibid*
- ⁵⁵ *Ibid*
- ⁵⁶ Sila lihat *Ibid.* hal 10
- ⁵⁷ Jean-Jacques Rousseau (1992) *Darihal Perjanjian Sosial*. terj. Puteri Rashidah Megat Ramli. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hal 19-21
- ⁵⁸ *Ibid.* hal 5
- ⁵⁹ Lihat 4 Class-book of *The History of South-East, South & East Asia* (tanpa penulis) (1997). hal 16
- ⁶⁰ Lihat Gilbert Khoo dan Dorothy Lo (1986). *Asia Dalam Perubahan: Sejarah Tenggara, Selatan dan Timur Asia*. Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books (Asia) Ltd. hal 406, 1037 dan 1148
- ⁶¹ Abdullah Ahmad (2001) Benarkah DEB Telah Tersungkur. kolumn *Utusan Malaysia* 7 Januari. hal 10
- ⁶² Md Akhir Yaakob. *Op cit.* hal 11-12
- ⁶³ *Ibid*
- ⁶⁴ Md Akhir Yaakob. *Op cit.* hal 13
- ⁶⁵ Pengarang Majalah al-Wahdah al-Islamiyyah (1989) *Intifadah Kebangkitan Islam Palestin*. terj. Ismail Mohd Ariffin et al. Shah Alam: Penerbitan Hizbi. hal 2
- ⁶⁶ Secretary-General of United Nation (1980) Report of the Secretary-General on the Work of the Organization. dalam Kurt Waldheim. *The Challenge of Peace*. edisi English. New York: UN. hal 133. Lihat juga Boutros Boutros-Ghali (1996) *The 50th Anniversary Annual Report on the Work of the Organization*. New York: UN. hal 195
- ⁶⁷ Mahfuz Omar. *Op cit.* hal 26
- ⁶⁸ Chandra Muzaffar. (1991) *Apakah Makna Amnesty Internasional Bagi Saya*. Yokohama: Amnesty Internasional Jepun
- ⁶⁹ Sila lihat pandangan Dr Mahathir Mohamad (1999) dalam ucapan perasmian Persidangan Undang-undang Komarwel ke-12 di Sunway Pyramid yang bertema "Undang-undang dan Masyarakat Pada Abad ke21". Lihat juga ulasan *Utusan Malaysia* 14 September 1999, muka depan
- ⁷⁰ Hartono M. (1997) *Menegakkan Syariat Islam Dalam Konteks Keindonesiaan: Proses Penerapan Nilai-nilai Islam Dalam Aspek Hukum Politik dan Lembaga Negara*. Bandung: Penerbit Mizan. hal 34 dan 36
- ⁷¹ Md Akhir Yaakob. *Op cit.* hal 104
- ⁷² United Nations (1973) *The United Nations and Human Rights*. New York: UN. hal 2
- ⁷³ *Perisiharan Hak Asasi Manusia Sejagat*. 1948
- ⁷⁴ Sila lihat *Perisiharan Hak Asasi Manusia Sejagat*. 1948
- ⁷⁵ United Nations (1973). *Op cit.* hal 29
- ⁷⁶ *Ibid.* hal 28
- ⁷⁷ United Nations (1995). *Op cit.* hal 53

-
- ^{7x} United Nations (1995). *Op cit.*, hal 53-54. Lihat juga United Nations (1973). *Op cit.*, hal 11-72. United Nations (1985) *Op cit.* hal 135-145. Md Akhir Yaacob (1985). *Op cit.*, hal 14-15.
- ^{7y} United Nations (1973). *Op cit.*, hal 26
- ^{7w} United Nations (1995). *Op cit.*, hal 50
- ^{7z} *Ibid.* hal 51
- ^{7x} Lihat Md Akhir Yaakob. *Op cit.*, hal 104-106. Lihat juga Chandra Muzaffar (1995a). *Op cit.* hal 61
- ^{7y} *Ibid.* hal 3
- ^{7z} *Ibid.*
- ^{7w} *Ibid.* hal 4-9
- ^{7x} Lihat Chandra Muzaffar (1995a) High Commissioner for Human Rights, dalam *Jurnal Pemikir* Bil 1 hal 114
- ^{7y} United Nations (1973). *Op cit.*, hal 11-14
- ^{7z} *Ibid.* hal 15-17